

Ujian Akhir Sesi Akademik

Skor

100

Kertas 1

Masa: 1 jam 30 minit

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

Bahagian A [15 markah]

Soalan 1-5

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Sikap mesra yang ditunjukkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan permaisuri menyebabkan _____ sangat disenangi oleh rakyat jelata.
- A beta
 - B beliau
 - C mereka
 - D baginda

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- 2 Kebakaran di rumah panjang tersebut menyebabkan asap _____ memenuhi ruang udara.
- A menjadi-jadi
 - B berpusu-pusu
 - C berkepul-kepul
 - D menjulang-julang
- 3 Sikap Aina yang sering menjadi batu api menyebabkan berlakunya persengketaan _____ Siti _____ Zakirah.

- A antara dan
- B di antara dan
- C antara dengan
- D di antara dengan

- 4 Shamsul menghadihkan _____ bunga mawar kepada isterinya yang tercinta sempena hari ulang tahun perkahwinan mereka yang ke-20 tahun.
- A sepucuk
 - B serawan
 - C sejambak
 - D serumpun

- 5 Setiap insan yang inginkan kejayaan dalam hidup tidak _____ berputus asa dan terus berusaha walaupun pelbagai onak duri yang merintang perjalanan hidup mereka.
- A harus
 - B pernah
 - C wajib
 - D ingin

Soalan 6

Pilih ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 6 I Penyakit barah hati telah menyebabkan *berat* badan Aidil semakin susut.
II Subjek Matematik Tambahan dilihat sebagai subjek yang *berat* untuk dikuasai oleh para pelajar.
III Makanan *berat* seperti nasi menyebabkan sesetengah individu mudah mengantuk.
IV Setiap pihak perlu memandangkan *berat* akan kes buli yang sering berlaku di sekolah.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 7

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 7 Sharifah rindukan kawan sepermainannya sewaktu kecil apabila terpandang gambar mereka di dalam album gambar.
- A merindu kawan sepermainannya
 B rindu akan kawan sepermainannya
 C merindukan kawan sepermainannya
 D rindukan kawan sepermainannya

Soalan 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 8 I Martabak yang dijual di pasar malam itu enak sekali.
 II Baju kurung itu kubelikan untuk adik sebagai hadiah hari jadinya.
 III Alternatif terbaik untuk berjaya adalah dengan berusaha bersungguh-sungguh.
 IV Tiap hari Sabtu, Mala akan bekerja secara sambilan di pasar raya itu.
- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Masalah kesesakan lalu lintas merupakan masalah utama bagi ribuan pengguna jalan raya khususnya yang tinggal di bandar-bandar besar.

- A Masalah utama bagi beribu-ribu pengguna jalan raya khususnya yang tinggal di bandar-bandar besar ialah masalah kesesakan lalu lintas.
 B Bandar-bandar besar menyebabkan ribuan pengguna jalan raya terpaksa terkandas dalam kesesakan lalu lintas.
 C Masalah kesesakan jalan raya sangat meruncing khususnya bagi pengguna lalu lintas di bandar-bandar besar.
 D Pengguna-pengguna jalan raya di bandar sering menghadapi kesesakan lalu lintas bagi jalan raya utama.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.



- 10 Aisyah belajar dengan bersungguh-sungguh hingga lulus dengan cemerlang kerana dia tahu bahawa _____.
- A ukur baju di badan sendiri
 B muafakat membawa berkat
 C ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
 D kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikut.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah.

“Varieti padi baru MR220 CLI dan MR220 CL2 yang *dikacukkan* daripada varieti MR220 ini dijangka dapat mengawal masalah padi angin dan rumput-rumpai yang menjejaskan tanaman padi. Kita jangka ini dapat memberi perolehan beras 73.8 peratus dan 75.4 peratus. Tentunya ini lebih baik daripada MR220 yang beri pulangan 61.7 peratus. Sudah terbukti dalam uji kaji hasilnya antara 8480 sehingga 8690 kilogram sehektar.”

Alif terhimbau perbualan dengan pegawai pertanian yang sentiasa tidak lokek maklumat dengannya.

Dia hafal kebaikan yang bakal diperoleh daripada varieti padi yang diusahakan ini. Benih varieti ini kebal terhadap racun rumpai *imidazolodone*, dapat menjimatkan penggunaan air melalui pembanjiran sawah yang dilewatkan, dan keadaan ini sekali gus dapat mencegah satu lagi masalah perosak utama, iaitu siput gondang emas. Dengan kos tidak melebihi RM600 sehektar, nilai tuaianya cukup berbaloi, iaitu dengan pulangan lima kali ganda.

(Dipetik daripada cerpen “Menuai Emas”, antologi *Baik Budi Indah Bahasa*, Tingkatan 2, KPM)

11 Berdasarkan petikan, perkataan *dikacukkan* membawa maksud

- A diawetkan.
- B diasingkan.
- C dikahwinkan.
- D diseimbangkan.

Alif terhimbau perbualan dengan pegawai pertanian yang sentiasa tidak lokek maklumat dengannya.

12 Berdasarkan pernyataan di atas, apakah teknik plot yang sesuai?

- A Dialog
- B Saspens
- C Imbas muka
- D Imbas kembali

13 Yang berikut merupakan nilai-nilai yang terdapat dalam petikan cerpen di atas, **kecuali**

- A kegigihan.
- B kesabaran.
- C keinsafan.
- D keyakinan.

14 Berdasarkan petikan di atas, berikut merupakan kelebihan varieti benih padi yang diusahakan oleh Alif, **kecuali**


- A melewati pembanjiran sawah.
- B penggunaan air dapat diijimatkan.
- C mencegah masalah siput gondang emas.
- D kebal terhadap racun rumpai *imidazolodone*.

15 Apakah peleraian bagi cerpen tersebut?

- A Projek perumahan yang telah dirancang tetap diteruskan
- B Abang Man yang menyerang rumah Alif ditangkap oleh polis
- C Projek estet padi mini yang diusahakan oleh Alif semakin berjaya
- D Seramai 15 orang penduduk menarik semula persetujuan mereka untuk menjadikan petak sawah mereka sebagai estet padi mini

Bahagian B
[30 markah]

- 1 Dalam infografik di bawah, terdapat kesalahan-kesalahan ejaan. Kenal pasti dua kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.



- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]